

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31/01/2018

Tun M akui pembangkang sukar tawan Sabah PRU-14

BH - 31/1/2018 pg. 13

➔ Pertindihan
kerusi dengan
Warisan
antara punca

Oleh **Mohd Nasaruddin
Parzi**
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui sukar untuk pakatan DAP-PPKR-Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Parti Amanah Negara (PAN) menawan Sabah.

Pengerusi PPBM itu yang mengetuai gabungan empat parti pembangkang berpangkalan di Semenanjung berkata, kesuka-

ran akan dihadapi jika wujud pertindihan kerusi di antara pakatan diketuainya dan Parti Warisan Sabah (Warisan).

Sehubungan itu, katanya, usaha sedang dilakukan bagi memastikan situasi seperti itu tidak berlaku.

Kerjasama empat parti

“Di Sabah ada DAP, PKR dan PAN tetapi mereka sudah mengadakan usaha kerjasama di negeri itu serta sedar ada Warisan di sana.

“Kalau kita dan Warisan bertembung pula, dia rugi kita pun rugi. Satu kerjasama mungkin dijalin di antara Pakatan Harapan dan Warisan,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PPBM di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menye-

lesaikan isu pengagihan kerusi di Selangor selepas jawatankuasa Pilihan Raya Umum (PRU) di negeri terbabit dilaporkan gagal memuktamadkan rundingan.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau mendesak Pendaftar Pertubuhan (ROS) memberi jawapan segera berhubung status pendaftaran Pakatan Harapan.

“Sehingga sekarang tidak ada jawapan dan makluman daripada ROS,” katanya sambil menuduh ROS sengaja berbuat demikian supaya pakatan berkenaan tidak dapat membuat persiapan menghadapi PRU.

“Kita tidak tahu kita punya simbol diterima atau tidak. Kita tidak tahu parti (Pakatan Harapan) diiktiraf secara rasmi atau tidak,” katanya.

Mengulas bantahan pimpi-

nan bawahan dan akar umbi PPBM berhubung agihan kerusi di beberapa negeri, termasuk Negeri Sembilan, Dr Mahathir berkata, masalah itu sudah mula diselesaikan pimpinan parti.

Bantahan akar umbi

“Sebenarnya kita sudah menyelesaikan hampir semua masalah. Dengan apa yang berlaku ini (bantahan), kita masih boleh betulkan keadaan sebab masih ada masa.

“Kita yakin apabila PRU diadakan, kita akan dapat mencalonkan seorang calon bagi setiap kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN),” katanya.

Beliau juga mendakwa, bantahan berhubung pengagihan kerusi pilihan itu bukan sesuatu yang akan memecahkan pakatan berkenaan.